KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

Tiga kegiatan lombong mata wang kripto tumpas

Klang: Polis menumpaskan tiga kegiatan perlombongan mata wang kripto *bitcoin* secara haram di tiga premis berbeza sekitar kawasan pusat komersial Bandar Puteri dan Bayu Perdana di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Cha Hoong Fong berkata, operasi bersepadu bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula 1 Mac.

"Hasil serbuan itu, polis menangkap 12 lelaki tempatan berumur 18 hingga 43 tahun di mana suspek adalah penjaga premis dan juruteknik yang memperbaiki mesin *bitcoin* yang rosak.

"Semakan rekod mendapati, tujuh dari 12 suspek mempunyai rekod jenayah lampau di mana seorang daripada mereka mempunyai empat rekod jenayah mengikut Seksyen 420, 395, 506, Kanun Keseksaan dan Seksyen 3(1), Akta Pencegahan Jenayah 1959.

"Dalam operasi itu, polis turut merampas 155 mesin *bitcoin*, 37 pembekal kuasa, monitor (3), unit pemproses berpusat (3), router dan modem yang digunakan untuk aktiviti perlombongan mata wang kripto *bitcoin*," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan di sini, semalam.



HOONG Fong (tengah) menunjukkan barang rampasan berkaitan kegiatan perlombongan mata wang kripto *bitcoin* haram pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan, semalam.

Hoong Fong berkata, TNB sudah mengesahkan kegiatan itu beroperasi dengan penyambungan elektrik secara haram dan menganggarkan kerugian RM60,000.

"Hasil siasatan, polis mendapati tiga kegiatan haram itu beroperasi selama dua bulan dan dipercayai mengaut keuntungan hingga RM150,000.

"Nilai rampasan dibuat oleh pihak polis pula dianggarkan RM65,000," katanya.

Beliau turut mengulas ketika ditanya sama ada penyambungan elektrik haram itu dapat dikesan oleh pembaca meter TNB.

"Kami sedang menyiasat sama ada operasi ini ada membabitkan pembaca meter untuk mengelak daripada ditangkap," katanya.

Beliau berkata, semua suspek direman dua hari bermula semalam.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 37(3), Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Seksyen 379/427, Kanun Keseksaan," katanya.

Sementara itu, katanya, sejak Januari hingga Februari tahun ini, pasukannya menyerbu lima premis dan berjaya menangkap seorang lelaki serta merampas 131 *server bitcoin*.

"Sepanjang tahun lalu pula, sejumlah 11 premis diperiksa dan berjaya menangkap enam lelaki serta merampas 696 *server bitcoin* dan peralatan untuk perlombongan mata wang kripto terbabit.

"Anggaran nilai rampasan sepanjang tahun lalu adalah sebanyak RM300,000.

"Polis sentiasa menjalankan serbuan dan pemeriksaan di premis dipercayai menjalankan kegiatan perlombongan mata wang kripto," katanya.